

PENGALAMAN MENGAJAR DAN PELAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI DI SEKOLAH MENENGAH

LEARNING EXPERIENCE AND IMPLEMENTATION OF TEACHING METHODS AMONG PHYSICAL EDUCATION TEACHERS IN SECONDARY SCHOOLS

**Syed Kamaruzaman Syed Ali¹
Norkhalid Salimin²
Mohd Izwan Shahril³**

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

²Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

³Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Accepted date: 30 January 2018

Published date: 1 July 2018

To cite this document: Ali, S. K. S., Salimin, N., & Shahril, M. I. (2018). Pengalaman Mengajar dan Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (13), 92-98.

Abstrak: Artikel ini berkaitan dengan kajian tentang hubungan antara pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan. Responden yang terlibat adalah seramai 50 orang guru Pendidikan Jasmani sekolah menengah. Responden ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi mengumpul data kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif seperti min, kekerapan dan peratusan. Manakala statistik inferensi ialah korelasi Pearson r . Hasil daripada analisis inferensi, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani, $r=0.12$, $p>0.05$. Kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempunyai kaitan dengan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani. Kesimpulannya, aspek pengalaman mengajar tidak dapat meningkatkan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani.

Kata Kunci: Pengalaman mengajar, Kaedah Pengajaran, Pengajaran, Guru Pendidikan Jasmani, Sekolah Menengah.

Abstract: This article relates to the study of the relationship between teaching experience and the level of implementation of teaching methods among secondary school Physical Education teachers in one of the districts in Selangor. This study uses survey methodology. The respondents involved were 50 secondary school Physical Education teachers. The respondents were selected using a purposive sampling method. The questionnaire was used as an instrument

for collecting research data. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics. Descriptive statistics such as mean, frequency, and percentage. While inferential statistics is Pearson r correlation. From the inferential analysis, there was no significant relationship between teaching experience and the implementation level of teaching method among Physical Education teachers, $r = 0.12$, $p > 0.05$. This study shows that the teaching experience has nothing to do with the level of implementation of the teaching method among Physical Education teachers. In conclusion, aspects of teaching experience cannot improve the level of implementation of teaching methods among Physical Education teachers.

Keywords: *Teaching Experience, Teaching Method, Teaching, Physical Education Teacher, Secondary School.*

Pendahuluan

Pelaksanaan kurikulum dijalankan melalui proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru di sekolah (Abdullah Sani, 2003). Oleh yang demikian pelaksanaan kurikulum Pendidikan Jasmani sudah pasti juga melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran samada melalui teori ataupun amali. Pengajaran merujuk kepada teknik, kaedah, atau proses yang digunakan dalam merancang sesuatu unit pelajaran (Vickers, 1990). Pengajaran berkait rapat dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu (Zamri, Nik Mohd Rahimi, Juliawati, 2009). Maka, guru Pendidikan Jasmani mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Bagi memastikan pengajaran dapat berjalan dengan berkesan, guru Pendidikan Jasmani hendaklah melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran terutamanya semasa kelas amali ataupun praktikal. Kelas amali adalah berkaitan dengan aktiviti pengajaran tentang aktiviti fizikal dan permainan. Semua murid yang terlibat dalam kelas amali ini diwajibkan berpakaian sukan dan wajib mengikuti aktiviti pengajaran di luar kelas iaitu di padang ataupun digelanggang permainan.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas amali Pendidikan Jasmani ini boleh melibatkan pelbagai kaedah pengajaran. Kaedah pengajaran bermaksud tindakan-tindakan yang dilakukan oleh guru Pendidikan Jasmani dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Sepatutnya guru Pendidikan Jasmani yang sudah menamatkan pengajian di universiti dan institut pendidikan guru telah didedahkan dengan kemahiran dalam aspek kaedah pengajaran. Begitu juga dengan guru-guru yang telah lama mengajar. Mereka seharusnya telah menguasai pelbagai kaedah pengajaran melalui pengalaman mereka mengajar selama beberapa tahun. Menurut Abu Bakar dan Ikhsan (2003), sebagai pendidik yang melaksanakan kurikulum di sekolah perlu menguasai kemahiran tinggi dalam kaedah pengajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan kaedah pengajaran yang sesuai untuk mendapatkan kesan yang lebih mantap (Mohd Faizal, Zawawi, & Rahimi, 2008). Oleh yang demikian, kaedah pengajaran sangat penting dalam kelas Pendidikan Jasmani di sekolah. Menurut Fatimah (2000), pengajaran yang berkesan akan dapat dihasilkan sekiranya guru dapat menguasai dan melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk semua tajuk pengajaran. Oleh yang demikian pengajaran Pendidikan Jasmani juga akan menjadi lebih berkesan jika guru dapat menggunakan pelbagai kaedah pengajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani berlangsung.

Pemilihan kaedah perlu mengambil kira tajuk atau topik pelajaran, tahap keupayaan murid dalam kelas berkenaan, dan keadaan bilik darjah. Ada ketikanya guru boleh menggunakan kaedah pengajaran seperti teknik kuliah, perbincangan, soal jawab, dan latih tubi. Selain itu, guru boleh juga menggunakan kaedah inkuiri-penemuan, tunjuk cara (demonstrasi) dan

perbincangan (Mohd Zohir & Hazri, 2004). Begitu juga dalam pengajaran Pendidikan Jasmani, terdapat beberapa kaedah pengajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani. Misalnya kaedah demonstrasi guru, demonstrasi murid, latihan dalam kumpulan, permainan kecil dan sebagainya. Kaedah yang terkini ialah melalui kaedah *Teaching Game for Understanding* atau TGFU. Setiap kaedah atau teknik yang dipilih itu perlu memenuhi prinsip-prinsip yang sesuai. Guru perlu bijak dalam membuat keputusan bagi menentukan kaedah yang akan digunakan untuk mengajar (Mohd Zohir & Hazri, 2004). Menurut Mohd Zohir & Hazri, (2004) guru hendaklah memikirkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai supaya murid mendapat hasil pembelajaran yang maksimum.

Walaupun aspek kaedah pengajaran sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani, namun demikian masih terdapat isu yang menunjukkan bahawa guru Pendidikan Jasmani telah mengabaikan tentang pelaksanaan kaedah pengajaran di sekolah. Misalnya, pada tahun 2009 Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti membuat pemantauan ke sebuah sekolah menengah kebangsaan. Kaedah pemantauan ini menggunakan instrumen analisis dokumen, pemerhatian, dan temubual bagi mendapatkan maklumat kajian. Hasil daripada pemantauan itu didapati prestasi pengajaran dan pembelajaran guru adalah lemah. Semua kelas Pendidikan Jasmani yang diperhatikan dijalankan di padang dan gelanggang bola tampar (gelanggang permainan) sahaja. Semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani, sebilangan besar pelajar lelaki tidak memakai pakaian sukan. Penglibatan pelajar dalam kelas Pendidikan Jasmani secara keseluruhannya adalah lemah. Sebilangan besar pelajar tidak bersedia dengan pakaian sukan dari rumah bagi pelaksanaan kelas Pendidikan Jasmani waktu pertama dan kedua. Didapati juga sebilangan besar pelajar tidak bersungguh-sungguh ketika melaksanakan latihan tubi. Perlakuan kemahiran tidak dijalankan dengan betul dan dilakukan sambil bergurau. Pergerakan pelajar ke padang sambil lewa sahaja dan mengambil masa yang panjang. Ada diantara mereka yang terpaksa dipanggil oleh guru untuk turun ke padang. Aktiviti regangan yang dilakukan oleh pelajar juga didapati telah dilakukan sambil lewa. Dalam aspek ini, pelajar tidak bersedia dari segi minda dan fizikalnya untuk melakukan aktiviti kemahiran yang akan diajar kerana perlakuan memanaskan badan tidak menjurus ke arah aktiviti yang akan dijalankan. Ketika proses pengajaran Pendidikan Jasmani pendedahan kemahiran asas tidak dibuat secara terancang serta tidak menggunakan teknik yang betul. Latihan tubi yang dilakukan oleh pelajar kurang diberi penekanan kepada perlakuan yang betul. Di akhir pengajaran pula, aktiviti menyejukkan badan tidak dilakukan dengan betul dan serius oleh pelajar. Isu ini menunjukkan bahawa ada kaitan dengan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Sekiranya terdapat kekurangan dalam aspek kaedah pengajaran guru, ia boleh memberi kesan yang negatif kepada pembelajaran pelajar (Cruickshank, Jenkins, & Metcalf, 2003). Tambahan pula jangka masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani adalah diantara 35 hingga 40 minit bagi setiap satu waktu dan ia boleh menyebabkan murid berasa bosan jika guru hanya menggunakan satu atau dua kaedah sahaja (Mohd Zohir & Hazri, 2004). Cruickshank, Jenkins, & Metcalf, (2003), telah menjelaskan bahawa guru yang menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran akan dapat mencegah pelajar dari menjadi bosan dan sebaliknya pelajar akan menjadi lebih aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, bagi guru Pendidikan Jasmani yang mempunyai pengalaman mengajar beberapa tahun biasanya sudah dapat mengenalpasti pelbagai kaedah pengajaran. Berkemungkinan mereka tidak ada masalah dalam melaksana kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Sehubungan dengan itu penyelidik ingin menjalankan satu kajian bagi melihat apakah tahap pelaksanaan kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan oleh guru Pendidikan Jasmani. Selain itu, untuk melihat hubungan antara

pengalaman mengajar dengan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru pendidikan jasmani di sekolah menengah. Berdasarkan kepada kajian

Objektif Kajian

- a. Untuk mengenalpasti pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani.
- b. Untuk melihat hubungan antara pengalaman mengajar dengan pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani.

Hipotesis Kajian

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Sampel adalah terdiri daripada 50 orang guru sekolah menengah yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di salah sebuah daerah dalam negeri Selangor. Sampel ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan kerana semua responden adalah guru-guru yang opsyen Pendidikan Jasmani. Lokasi ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana daerah tersebut merupakan salah sebuah daerah yang mempunyai ramai opsyen Pendidikan Jasmani. Bagi mengumpul data kajian pula, instrument soal selidik digunakan. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah maklumat demografi responden yang meliputi pengalaman mengajar. Bahagian B adalah maklumat tentang pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani. Sebelum menggunakan soal selidik ini, penyelidik telah menjalankan satu kajian rintis dan data kajian rintis tersebut telah dianalisis bagi menentukan kebolehpercayaannya. Hasil daripada analisis tersebut, nilai *Cronbach alfa* yang diperolehi adalah 0.7. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan yang agak tinggi kerana menghampiri 1.0. Seterusnya hasil daripada pengumpulan data sebenar, penyelidik telah membuat analisis kajian dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif seperti min, peratus dan kekerapan, manakala statistik inferensi seperti *Pearson r*.

Dapatan Kajian

Pengalaman Mengajar

Menerusi Jadual 1, responden dibahagikan kepada lima kumpulan peringkat pengalaman mengajar, iaitu kumpulan pengalaman mengajar antara 1 hingga 2 tahun, 3 hingga 4 tahun, 5 hingga 6 tahun, 7 hingga 8 tahun, dan 9 tahun ke atas. Kumpulan guru yang berpengalaman mengajar diantara 1 hingga 2 tahun adalah paling ramai (K=16;P=32.00). Kemudian diikuti pengalaman mengajar 3 hingga 4 tahun (K=3;P=26.00), pengalaman mengajar 9 tahun ke atas (K=10;P=20.00), pengalaman mengajar 5 hingga 6 tahun (K=9;P=18.00), dan yang paling rendah bilangannya ialah pengalaman mengajar 7 hingga 8 tahun (K=2;P=4.00).

Jadual 1: Pengalaman Mengajar Pendidikan Jasmani

Pengalaman Mengajar	Kekerapan (K)	Peratusan (P)
1 hingga 2 Tahun	16	32.00
3 hingga 4 tahun	13	26.00
5 hingga 6 Tahun	9	18.00
7 hingga 8 Tahun	2	4.00
9 Tahun Ke atas	10	20.00

Tahap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Jasmani

Bahagian ini, adalah tentang pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani. Analisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai. Hasil daripada analisis tersebut

didapati Min bagi tahap pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani adalah 3.23 dan sisihan piawai ialah 0.94. Berdasarkan kepada nilai Min tersebut menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani adalah pada tahap sederhana.

Jadual 2: Tahap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Jasmani

Komponen	Min	SP	Tahap
Pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani	3.23	0.94	Sederhana

SP: Sisihan Piawai

Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Tahap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Jasmani.

Analisis korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani. Analisis korelasi ini menggunakan statistik korelasi *Pearson r*.

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, nilai pekali korelasi (r) yang diperoleh bagi hubungan antara pengalaman mengajar dengan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran ialah 0.12 dan tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan antara pembolehubah pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani.

Jadual 3: Korelasi *Pearson r* antara pengalaman mengajar dan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani

	Tahap Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Pendidikan Jasmani	
	r	Sig.
Pengalaman Mengajar	0.12	0.46

$p > 0.05$, r -korelasi; sig-signifikan.

Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian pertama, didapati pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani adalah pada tahap sederhana. Dapatan tersebut mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dijalankan oleh Wee (2004). Hasil daripada kajian Wee (2004) mendapati secara keseluruhannya pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah masih berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani masih tidak ada perubahan. Oleh yang demikian satu usaha perlu di lakukan agar kaedah pengajaran dapat ditingkatkan dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani di sekolah menengah. Menurut Abu Bakar & Ehsan (2003), guru perlu menguasai kemahiran yang tinggi dalam kaedah pengajaran. Oleh yang demikian, guru Pendidikan Jasmani juga perlu meningkatkan ilmu agar mereka dapat menjadi lebih kreatif dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai. Kegagalan guru dalam pemilihan dan penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai mengakibatkan kegagalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Sapie, Mohamad Fuad, Mohd Kamal Din, & Rekkeman Kusust, 2014).

Seterusnya bagi dapatan kajian kedua pula, didapati tidak ada kaitan antara pengalaman mengajar dengan pelaksanaan kaedah pengajaran guru Pendidikan Jasmani. Ini berkemungkinan pengalaman mengajar tidak memberi pengaruh kepada peningkatan pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani. Menurut Khalid, Zurida, Shuki, dan Ahmad Tajuddin (2009), aspek pengalaman mengajar, sumbangannya lebih signifikan kepada tahap pengetahuan. Oleh itu, guru yang mempunyai pengalaman mengajar akan dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan yang berkaitan dalam bidang masing-masing

dan bukan dalam aspek pelaksanaan kaedah pengajaran. Tambahan pula menurut Sapie, Mohamad Fuad, Mohd Kamal Din, & Rekkeman Kusust (2014), untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, guru perlu lebih kreatif dan menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan pelajar. Bagi meningkatkan lagi kebolehan guru dalam aspek kaedah pengajaran, Sapie, Mohamad Fuad, Mohd Kamal Din, & Rekkeman Kusust (2014) turut mencadangkan agar pihak yang berkenaan mewujudkan kelas-kelas intensif berkaitan dengan pemilihan kaedah pengajaran secara berkala dengan dibimbing oleh para pensyarah yang berkemahiran.

Kesimpulan

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani diajar kepada semua murid dari tingkatan satu hinggalah ke tingkatan lima di sekolah. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran penting yang telah di rancang oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dilaksanakan di sekolah. Oleh itu, agar mata pelajaran tersebut dapat disampaikan dengan berkesan kepada murid-murid, guru yang mengajar Pendidikan Jasmani perlu mempunyai kaedah pengajaran yang pelbagai dan menarik.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian ini menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran berada pada tahap sederhana. Sebagai guru Pendidikan Jasmani, mereka perlu mempunyai inisiatif dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran yang berkaitan dengan kaedah pengajaran. Pihak sekolah juga perlu memberi peluang kepada guru yang mengajar Pendidikan Jasmani mengikuti kursus-kursus tentang kaedah pengajaran agar mereka dapat melaksanakan kaedah pengajaran Pendidikan Jasmani dengan berkesan. Hasil kajian juga menunjukkan tidak ada kaitan antara pengalaman mengajar dengan tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani. Sehubungan dengan itu, bagi guru-guru yang telah lama mengajar juga perlu dihantar mengikuti pelbagai kursus yang berkaitan dengan kaedah pengajaran. Tambahan pula pada masa ini terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh diaplikasikan, misalnya penggunaan teknologi dalam pengajaran dan lain-lain peralatan yang boleh meningkatkan lagi tahap pelaksanaan kaedah pengajaran dalam kalangan guru-guru Pendidikan Jasmani di sekolah.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2008). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Abdullah Sani Yahya (2003) *Siri pentadbiran pendidikan. Mengurus sekolah*. Pahang: PTS Publications.
- Boyle, J., & Fisher, S. (2007). *Educational testing. A competence_based Approach*. Australi: BPS Blackwell.
- Cruickshank, D. R., Jenkins, D.B., & Metcalf. (2003). *The act of teaching*. 3rd edition. New York: Mc Graw Hill.
- Fatimah Abdullah (2000). Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kecemerlangan Pendidikan. *Risalah At-Tarbiah, Bil.3, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia*, 5 – 9.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(2). Ms:3-14. Jemaah Nazir Sekolah (2009). *Laporan pemeriksaan penuh. Sekolah Menengah Kebangsaan Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Faizal Mohamed, Zawawi Ismail, Rahimi Md Saad (2008). Celik Al-Quran: Cabaran dan realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah. *Masalah Pendidikan, Jilid 31, Bil.1, ISSN 0126-5024, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*, 241 – 253

- Mohd Zohir Ahmad & Hazri Jamil (2004). Kaedah perbincangan. Dalam Hazri Jamil, Hashim Othman, & Rohizani Yaakub (Penulis). *Pengantar kaedah mengajar mata pelajaran ilmu kemanusiaan*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Pallant (2007). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (Edisi ke 3). Sydney: Allen & Unwin. Australia.
- Richardson,S.(2005).Putting the research plan into action. In Richardson, S.,Balachandher Krishnan Guru, Cheng Ming Yu., khong Kok Wei., leo pointon (Eds). *How to research. Aguide for undergraduate & graduate students. (p.29-37). Malaysia:Thomson.*
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin, & Rekkeman Kusut (2014). Tahap pelaksanaan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam latihan mengajar menurut persepsi guru-guru pelatih fakulti pendidikan KUIS: Satu Tinjauan Awal.*Jurnal Pendidikan, Bil.1(2).*88-97.
- Vickers, J.N. (1990). *Instructional design for teaching physical activities*. Illinois: Human Kinetics Book.
- Wee Eng Hoe (2004a). Status Pendidikan Jasmani di sekolah rendah. *Prosiding seminar kebangsaan Pendidikan Sukan dan rekreasi, 17-18 Julai*. 110 – 119. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Juliawati (2009). Perbandingan gaya pengajaran guru Bahasa Melayu dan guru Bahasa Inggeris. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 34(1):* 67-92.